Mohd Roslan bin Mohd Noor dan lain-lain lwn Saidina Khatijah Zaharah Kairulnisak bt Hj Mohd Noor

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — PETISYEN NO 31–64 TAHUN 2008
ABU BAKAR PK
5 JANUARI 2015

Probet dan Pentadbiran — Pentadbiran — Tindakan pentadbiran — Pemfailan petisyen dan surat kuasa mentadbir di Mahkamah Tinggi — Pelantikan pentadbir-pentadbir bersama harta pusaka — Bakal pencelah memfailkan notis permohonan bagi mendapatkan perintah-perintah agar kebenaran diberikan kepada bakal pencelah untuk memfailkan permohonan di bawah A 15 k 6 dan A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM) — Permohonan agar perintah Mahkamah Tinggi diketepikan sebagai tidak sah — Sama ada bakal pencelah dibenarkan untuk mencelah di bawah A 15 k 6 — Sama ada perintah penolong kanan pendaftar suatu perintah yang sah

Mohd Noor bin Yakub ('si mati') telah meninggal dunia meninggalkan empat orang isteri dan 24 orang anak-anak. Pemohon pertama dan kedua telah memfailkan petisyen untuk surat kuasa mentadbir di Mahkamah Tinggi. Petisyen ini tidak pernah dibicarakan dan tiada pemberian surat kuasa mentadbir kepada pemohon pertama dan kedua. Pemohon pertama dan kedua kemudiannya memfailkan saman dalam kamar (lampiran (14)) dan saman dalam kamar (lampiran (20)) bagi melantik pemohon pertama dan kedua dan pemohon lainnya sebagai pentadbir pesaka bersama harta pesaka si mati kononnya mengikut s 35 Akta Probet Dan Pentadbiran 1959. Mahkamah ini membenarkan permohonan lampiran (14) dan (20) dan telah melantik pentadbir-pentadbir bersama harta pesaka si mati (lampiran (28)). Bakal pencelah memfailkan notis permohonan (lampiran (55)) bagi mendapatkan perintah-perintah agar kebenaran diberi kepada bakal pencelah untuk memfailkan permohonan ini di bawah A 15 k 6 dan A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'); bahawa kebenaran diberikan kepada bakal pencelah untuk mencelah dan dijadikan sebagai responden dalam prosiding ini; dan perintah Mahkamah Tinggi diketepikan sebagai tidak sah. Permohonan bakal pencelah ini dibantah oleh pemohon pertama dan kedua yang bertindak sendiri. Isu-isu yang timbul adalah sama ada bakal pencelah dibenarkan untuk mencelah di bawah A 15 k 6 KKM di peringkat ini; dan sama ada perintah PKP suatu perintah yang sah.

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Bakal pencelah boleh mencelah di peringkat. Tiada surat kuasa mentadbir telah dikeluarkan bagi harta pesaka si mati. Perintah PKP tidak mematuhi A 71 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT') yang berkuat kuasa ketika itu terutamanya tiada geran surat mentadbir pesaka yang ditentukan dalam Borang 171 sebagaimana peruntukan A 71 k 35 KMT dikeluarkan atas pemohon pertama dan tiga lainnya sebagai pentadbir bersama harta pesaka si mati (lihat perenggan 15).

(2) Bakal pencelah sebagai waris si mati mempunyai kepentingan undang-undang atas harta pesaka si mati. Semasa saman dalam kamar difailkan, prosedur ketika itu tertakluk kepada KKMT dan tiada peruntukan A 7 k 2(1A) KKM. Walaupun peruntukan A 7 k 2(1A) KKM belum berkuatkuasa ketika saman dalam kamar di lampiran (14) dan (20) difailkan oleh pemohon pertama. Pemohon pertama merujuk peruntukan yang salah iaitu s 35 Akta bagi membolehkan PKP mengeluarkan perintah. Seksyen 35 Akta tiada kaitan dengan permohonan pemohon pertama dan tiga yang lainnya di lampiran 14 dan lampiran 20. Seksyen 35 Akta berkaitan sekiranya pemberian geran surat mentadbir pesaka diberikan mengikut A 71 k 35 KMT (lihat perenggan 17 & 19–21).

(3) Perintah PKP bertarikh bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan ianya boleh diketepikan. Memandangkan perintah PKP tidak sah ianya masih belum muktamad dan petisyen yang difailkan perlu dibicarakan selaras dengan A 71 KKM. Perintah PKP bercanggah dengan peruntukan undang-undang kerana tiada geran surat mentadbir pesaka dikeluarkan mengikut tatacara di bawah A 71 KMT. PKP telah bertindak di luar bidangkuasanya apabila bergantung kepada peruntukan s 35 Akta mengeluarkan perintah tersebut. Peruntukan s 35 Akta berkaitan dengan bon pentadbiran dan tiada kaitan dengan pelantikan pentadbir bersama pesaka harta si mati (lihat perenggan 22–23).

[English summary

Mohd Noor Yakub ('the deceased') died leaving four wives and 24 children. The first and second applicants had filed a petition for a letter of administration at the High Court. The petition was never tried and no letter of administration was issued and granted to the first and second applicants. The first and second applicants then filed summons in chambers (exh (14)) and summons in chambers (exh (20)) to appoint the first and second applicants and the other applicants as the co-administrators of the deceased, allegedly under s 35 of the Probate and Administration Act 1959. The court allowed the application of exhs 14 and 20 and appointed the co-administrators os the deceased's estate (exh (28)). The intervener to-be filed an application notice (exh (55)) to obtain orders in order for leave to be granted to the interveners to be to file this application under 15 r 6 of the Rules of Court 2012 ('the ROC'); that leave was

given to the prospective intervener to intervene and was made the respondent in this proceeding; and the High Court order was set aside and deemed invalid. The application by the prospective intervener was objected by the first and second applicants who acted acted on their own. The issues that arose were whether the prospective intervener was granted leave to intervene under O 15 r 6 of the ROC at this stage; and whether the SAR's order was a valid order.

Held, allowing the application:

(1) The prospective intervener could intervene at the stage where no letter of administration had been issued for the deceased's estate. The SAR's order did not comply with O 71 of the Rules of the High Court 1980 (' the RHC') which was in force at the material time especially since no letter of administration was granted in Form 171 as provision O 71 r 35 of the RHC was issued to the first applicant and three others as the co-administrator of the deceased's estate (see para 15).

(2) The prospective intervener as the beneficiary of the deceased had legal interest over the deceased's estate. When the summon-in-chambers was filed, the procedure at that time was subjected to the RHC and there was no provision O 7 r 2(1A) of the RHC. However, provision O 7 r 2(1A) of the RHC was not in force when the summons in chambers in exhs 14 and 20 were filed by the first applicant. The first applicant referred to the wrong provision which was s 35 of the Act to enable the SAR to issue an order. Section 35 of the Act had no relevance to the first applicant's application along with the three others in exhs 14 and 20. Section 35 of the Act was germane if the issuance of the grant of letter of administration was made under O 71 r 35 of the RHC (see paras 17 & 19–21).

(3) The SAR's order contradicted with the provisions of the law could be set aside. Since the SAR's order was invalid, it was not final and the petition must be heard consistent with O 71 of the RHC. The SAR's order was in contravention of the provisions of law as the was no grant of letter of administration issued under the procedures of O 71 of the RHC. The SAR acted outside his jurisdiction when he relied on provision s 35 of the Act to issue the said order. Provision s 35 was in relation to administrative bond and had nothing to do with the appointment of co-administrator of the deceased's estate (see paras 22–23).]]]]]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tindakan pentadbiran, lihat 10(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1819–1820.

Kes-kes yang dirujuk

Badiaddin bin Mohd Mohidin & Anor v Arab Malaysian Finance Bhd [1998] 1 MLJ 393, MP (dirujuk)

Cheow Chew Khoon (t/a Cathay Hotel) v Abdul Johari bin Abdul Rahman [1995] 1 MLJ 457, MR (dirujuk)
Hong Leong Bank Bhd (formerly known as Hong Leong Finance Bhd) v Staghorn Sdn Bhd and other appeals [2008] 2 MLJ 622; [2008] 2 CLJ 121, MP (dirujuk)
Nite Beauty Industries Sdn Bhd & Anor v Bayer (M) Sdn Bhd [2000] 3 MLJ 314, MT (dirujuk)
Pegang Mining Co Ltd v Choong Sam & Ors [1969] 2 MLJ 52, PC (dirujuk)
Tohtonku Sdn Bhd v Superace (M) Sdn Bhd [1992] 2 MLJ 63, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 1965 s 176(3)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 71, A 71 k 35
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 7 k 2(1A), A 15 k 6, A 15 k 6(2), A 15 k 6 (2)(b)(i), (ii), A 71
Akta Probet Dan Pentadbiran 1959 ss 35, 77A

CV Prabhakaran (Praba & Assoc) bagi pihak bakal pencelah.
KC Ang (CP Ang & Company) bagi pihak pemohon pertama.

Abu Bakar PK:

[1] Mohd Noor bin Yakub telah meninggal dunia pada 3 Mac 2008 (si mati) meninggalkan empat orang isteri iaitu Che Sopiah bt Omar, Siti Rahmah bt Othman, Rahmah bt Awang dan Siti Rahmah bt Ismail dan dua puluh empat orang anak-anak.

[2] Pemohon pertama dan pemohon kedua telah memfailkan petisyen untuk surat kuasa mentadbir di Mahkamah Tinggi, Malaya Alor Setar Kedah Darul Aman pada 14 Julai 2008 bagi harta pesaka si mati sebagaimana Petisyen No 31–64 tahun 2008.

[3] Petisyen ini tidak pernah dibicarakan dan tiada pemberian surat kuasa mentadbir diberikan kepada pemohon pertama dan pemohon kedua. Pemohon pertama dan pemohon kedua kemudiannya memfailkan saman dalam kamarl (lampiran (14)) dan saman dalam kamar (lampiran (20)) bagi melantik pemohon pertama dan pemohon kedua dan pemohon lainnya sebagai Pentadbir Pesaka Bersama harta pesaka si mati kononnya mengikut s 35 Akta Probet Dan Pentadbiran 1959 ('Akta itu').

[4] Pada 28 Julai 2009 Pn Nurul Rasyidah bt Mohd Akit, penolong kanan pendaftar ('PKP'), mahkamah ini telah membenarkan permohonan di lampiran (14) dan lampiran (20) dan telah melantik Encik Mohd Roslan bin Mohd Noor, Encik Mohd Johar bin Mohd Noor, Encik Mohd Adhan bin

Mohd Noor dan Encik Mohd Jamil bin Mohd Noor sebagai pentadbir pesaka bersama harta pesaka si mati (lampiran (28)).

[5] Pada 13 Mac 2014 bakal pencelah telah memfailkan notis permohonan (lampiran (55)) bagi mendapatkan perintah-perintah yang berikut:

(1) Bahawa kebenaran diberi kepada Bakal Pencelah untuk memfailkan permohonan ini di bawah Aturan 15 kaedah 6 dan Aturan 92 kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM);

(2) Bahawa kebenaran diberikan kepada Bakal Pencelah untuk mencelah dan dijadikan sebagai Responden dalam prosiding ini;

(3) Perintah Mahkamah Tinggi Alor Setar bertarikh 29 hb Julai 2009 diketepikan sebagai tidak sah ('nullity');

(4) Kos dalam kausa;

(5) Lain-lain relif yang difikirkan patut dan suai manfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[6] Lampiran (55) ini disokong oleh afidavit bakal pencelah (lampiran (56)), afidavit balasan di lampiran (66) dan (67). Permohonan bakal pencelah ini telah dibantah oleh pemohon pertama yang diwakili oleh peguamnya iaitu Tetuan CP Ang & Co dan pemohonan kedua yang bertindak sendiri sebagaimana afidavit balasan di lampiran (60), (61) dan (70).

[7] Mahkamah ini telah mengarahkan pihak-pihak memfailkan penghujahan bertulisnya dan pada 21 September 2014 mahkamah ini telah membenarkan permohonan bakal pencelah di lampiran (55) dengan kos sebanyak RM3,000. Pemohon pertama dan pemohon kedua yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia. Rayuan ini telah didaftarkan sebagai Mahkamah Rayuan Rayuan Sivil No K-02(IM)-1760–10 tahun 2014.

[8] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak, isu-isu yang diketengahkan antaranya ialah:

(a) sama ada bakal pencelah dibenarkan untuk mencelah di bawah A 15 k 6 KKM di peringkat ini;

(b) sama ada perintah PKP bertarikh 29 Julai 2009 suatu perintah yang tidak sah; dan

Bagi isu (a):

[9] Peguam pemohon pertama yang terpelajar sebagaimana lazimnya terus menjurus hujahannya kepada isu pertikaian dan beliau membantah

permohonan bakal mencelah kerana dihujahkan bertentangan dengan A 15 k 6(2) KKM. Mahkamah ini berpendapat ianya lebih tepat apabila merujuk A 15 k 6(2)(b)(i) KKM yang melibatkan permohonan bakal pencelah. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan A 15 k 6(2)(b)(i) KKM sebagaimana berikut:

> (2) Subject to this rule, *at any stage of the proceedings in any cause or matter*, the Court may on such terms as it thinks just and either of its own motion or on application–
>
> (a) order any person who has been improperly or unnecessarily made a party or who has for any reason ceased to be a proper or necessary party, to cease to be a party;
>
> (b) *order any of the following persons to be added as a party, namely–*
>
> (i) *any person who ought to have been joined as a party or whose presence before the Court is necessary to ensure that all matters in dispute in the cause or matter may be effectually and completely determined and adjudicated upon; or*
>
> (ii) any person between whom and any party to the cause or matter there may exist a question or issue arising out of or relating to or connected with any relief or remedy claimed in the cause or matter which, in the opinion of the Court, would be just and convenient to determine as between him and that party as well as between the parties to the cause or matter.

[10] Secara ringkasnya peguam pemohon pertama yang terpelajar telah menghujahkan permohonan bakal pencelah perlu difailkan sebelum prosiding petisyen ini tamat. Perintah 29 Julai 2009 telahpun dimeteraikan sebagaimana eksh S2 dan mahkamah juga telah *functus officio*. Keadaan bertambah parah apabila permohonan bakal pencelah difailkan selepas lima tahun kemudian dan permohonan seumpama ini tidak seharusnya dilayan oleh mahkamah ini.

[11] Peguam pemohon pertama yang terpelajar bergantung kepada kes *Nite Beauty Industries Sdn Bhd & Anor v Bayer (M) Sdn Bhd* [2000] 3 MLJ 314 yang menghuraikan prinsip A 15 k 6(2) di ms 318 seperti berikut:

> The would-be intervener should have some interest which is directly related or connected with the subject matter of the action ...' (The Supreme Court Practice 1997 para 15/6/7A). 'Interest here means a legal interest not a commercial interest' (*Tai Choi Yu v Syarikat Tingan Lumber Sdn Bhd* [1998] 4 MLJ 275). 'A mere commercial interest in its outcome, divorced from the subject matter of the action, is not enough' (*Sanders Lead Co Inc v Entores Metal Brokers Ltd* [1984] 1 WLR 452). A better way of expressing the test is: will his rights against or liabilities to any party to the action in respect of the subject matter of the action be directly affected by any order which may be made in the action' (*Pegang Mining*).

[12] Peguam pemohon pertama yang terpelajar selanjutnya menghujahkan

bakal pencelah merupakan salah seorang waris si mati dan telahpun menandatangani surat persetujuan bertarikh 13 Julai 2008 bagi permohonan melantik pentadbir pusaka bersama harta pesaka si mati. Bakal pencelah mengetahui perintah bertarikh 29 Julai 2009 dan membiarkan perkara ini sehinggalah pemohon pertama berjaya dalam rayuannya ke Mahkamah Rayuan Malaysia, Rayuan Sivil No K-02(IM)(NCVC)-1788–08 tahun 2013 bagi mendapatkan butiran akaun si mati yang disimpan di Kooperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad (sila rujuk [2013] 1 LNS 90 bagi fakta kes ini).

[13] Sebaliknya peguam bakal pencelah yang terpelajar telah menghujahkan bakal pencelah telah memenuhi pra syarat A 15 k 6(2)(b)(ii) KKM. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam bakal pencelah yang terpelajar budi bicara mahkamah dalam menimbangkan permohonan seumpama ini telahpun diputuskan dalam nas duluan iaitu *Pegang Mining Co Ltd v Choong Sam & Ors* [1969] 2 MLJ 52 dan diikuti dalam kes *Tohtonku Sdn Bhd v Superace (M) Sdn Bhd* [1992] 2 MLJ 63. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengulangi prinsip-prinsip yang digariskan dalam nas duluan tersebut dan memadai ianya dijadikan panduan oleh mahkamah ini dalam menimbangkan lampiran (55).

[14] Mahkamah ini berpendapat frasa penting dalam menimbangkan permohonan mencelah ialah 'at any stage of the proceedings in any cause or matted. Mahkamah ini telahpun mendapat suluhan cahaya yang terang bagi menggarap isu ini sebagaimana yang ditegaskan dalam kes *Hong Leong Bank Bhd (formerly known as Hong Leong Finance Bhd) v Staghorn Sdn Bhd and other appeals* [2008] 2 MLJ 622; [2008] 2 CLJ 121 yang menyatakan:

> [114] Now the issue of jurisdiction under O 15 r 6 does not hang upon the words 'At any stage of the proceedings' alone. It is not those words only that indicate that an order for the addition of a party in a cause of matter under r 6(2)(b) is to be made only in a cause or matter that is extant and alive. The entire wording of para (b) also so indicates, and with greater force. It shows that the addition of a party is intended to achieve a comprehensive and global resolution of the cause or matter. The wording looks to the future outcome of the cause or matter. The addition of the party to be added is a contribution to the future outcome. It follows from the entire wording of para (b), even without the words 'At any stage of the proceedings'. *that the addition of a party can only be made in a cause or matter that has not been concluded and brought to an end.* The wording of para (b) would not enable a person to come in and be added as a party to undo what has already been done or decided in a cause or matter. It seemed to me therefore that when this court excluded the issue of jurisdiction under O 15 r 6 from the consideration of the Court of Appeal, while asking it to consider the question of the exercise of the court's discretion, this court could not have intended that the question of discretion be considered within the terms of O 15 r 6(2)(b). Once the question of jurisdiction under O 15 r 6(2)(b) is excluded, there will be nothing left in the wording of r 6(2)(b) to be considered in relation to the question of the exercise of the court's discretion. It was as if this court was saying that the question whether Staghorn, in the exercise of the court's discretion, ought or ought not to be allowed to come in to have the order for sale and

the auction sale set aside ought not to be considered within the confines of O 15 r 6(2)(b), which would amount to saying that Staghorn's application to 'intervene' ought not be considered strictly as an application to be added as a party under O 15 r 6(2)(b), but simply as an application at large to be allowed to come in to undo what had already been done in the originating summons proceedings, that is to say, to have the order for sale that had been made and perfected and the auction sale that had been completed, set aside.

[15] Mahkamah ini tidak sependapat dengan pendirian peguam pemohon pertama yang terpelajar iaitu bakal pencelah tidak boleh mencelah di peringkat ini kerana petisyen telahpun ditamatkan apabila PKP mengeluarkan perintah bertarikh 29 Julai 2009 melantik pemohon pertama dan tiga lainnya sebagai pentadbir bersama harta pesaka si mati. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam bakal pencelah yang terpelajar iaitu tiada surat kuasa mentadbir telah dikeluarkan bagi harta pesaka si mati. Mahkamah ini berpendapat perintah PKP bertarikh 29 Julai 2009 ianya tidak mematuhi A 71 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT') yang berkuatkuasa ketika itu terutamanya tiada geran surat mentadbir pesaka yang ditentukan dalam Borang 171 sebagaimana peruntukan A 71 k 35 KKMT dikeluarkan atas pemohon pertama dan tiga lainnya sebagai pentadbir bersama harta pesaka si mati.

[16] Mahkamah ini berpendapat memandangkan perintah 29 Julai 2009 adalah tidak sah ianya masih belum muktamad dan petisyen yang difailkan perlu dibicarakan selaras dengan A 71 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM). Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Nite Beauty Industries Sdn Bhd & Anor* permohonan mencelah ditolak kerana Mahkamah telahpun *functus officio* apabila membenarkan permohonan '... the scheme of arrangement and compromise' menurut peruntukan s 176(3) Akta Syarikat 1965. Begitu juga dalam kes *Hong Bank Leong Bank Bhd* permohonan untuk mencelah ditolak kerana Perintah Jualan telahpun dikeluarkan dan muktamad.

[17] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam bakal pencelah yang terpelajar bakal pencelah sebagai waris si mati mempunyai kepentingan undang-undang atas harta pesaka si mati.

Bagi isu (b):

[18] Peguam pemohon pertama yang terpelajar telah menghujahkan PKP secara betulnya bertindak di bawah s 35 Akta itu apabila membenarkan permohonan di lampiran (14) dan (20) pada 29 Julai 2009. Beliau merujuk s 77A Akta itu yang memberi kuasa kepada PKP untuk menimbangkan petisyen surat mentadbir pusaka yang tidak dipertikaikan.

[19] Sebaliknya peguam bakal pencelah yang terpelajar telah menghujahkan 'intitulemenf dalam saman dalam kamar merujuk s 35 Akta itu dan ianya tidak memberi kuasa kepada PKP untuk melantik Pentadbir Bersama harta pesaka si mati. Beliau merujuk A 7 k 2(1A) KKM yang memperuntukkan 'intitulement' bagi saman pemula perlu merujuk peruntukan undang-undang yang berkaitan. Mahkamah ini berpendapat semasa saman dalam kamar difailkan 23 Oktober 2008, prosedur ketika itu tertakluk kepada KKMT dan tiada peruntukan A 7 k 2(1A) KKM yang berkuatkuasa mulai 1 August 2012.

[20] Mahkamah ini berpendapat walaupun peruntukan A 7 k 2(1A) KKM belum berkuatkuasa ketika saman dalam kamar di lampiran (14) dan (20) difailkan oleh pemohon pertama, YA Gopal Sri Ram dalam kes *Cheow Chew Khoon (t/a Cathay Hotel) v Abdul Johari bin Abdul Rahman* [1995] 1 MLJ 457 di ms 477 yang menyatakan:

> In my judgment, this matter, which is a point of practice and procedure, is to be resolved by reference to the fundamental principle that a party must not take his opponent or the Court by surprise. It is my opinion that an originating process requiring an intitulement must state, with sufficient particularity, either in its heading or in its body, the statute or Rule of Court under which the Court is being moved: otherwise it would be an embarrassing pleading and be may be liable to be struck out, unless sooner amended.

[21] Mahkamah ini berpendapat pemohon pertama merujuk peruntukan yang salah iaitu s 35 Akta itu bagi membolehkan PKP mengeluarkan perintah pada 29 Julai 2009. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 35 Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Unless the Court in any particular case otherwise orders–
>
> (a) in the case of administrations, whether with or without will annexed, the person to whom the grant is made or on whose behalf it is sealed shall give security for the due administration of the estate;
>
> (b) no security shall be required where the gross value of the estate does not exceed fifty thousand ringgit. ((1)(b) Am Act A508:s 2)
>
> (2) The security shall ordinarily be by bond in the prescribed form by the grantee and two sureties, in the amount at which the estate within the jurisdiction is sworn, without deduction of any debts due by the deceased, other than debts secured by mortgage or charge; but the Court may for any sufficient reason increase or decrease the number of sureties or dispense with them, and may reduce the amount of the bond, and the Court in exercising its discretion shall consider the standing of the parties, the nature of the property, the amount of the debts and the extent of the administrator's personal interest in the distributive share of the estate.
>
> (3) Where a trust corporation has obtained administration it shall not be required to give security.
>
> (4) When the administrator is entitled to the whole of the estate after payment of

the debts, sureties in the bond may ordinarily be dispensed with by the Registrar. A

(5) Sureties may be required by the Registrar to justify.

[22] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 35 Akta itu tiada kaitan dengan permohonan pemohon pertama dan tiga yang lainnya di lampiran (14) dan lampiran (20). Mahkamah ini berpendapat s 35 Akta itu berkaitan sekiranya pemberian geran surat mentadbir pesaka diberikan mengikut A 71 k 35 KKMT. Mahkamah ini sependapat dengan peguam bakal pencelah yang terpelajar iaitu perintah PKP bertarikh 29 Julai 2009 adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan ianya boleh diketepikan. Secara analogy mahkamah ini bersetuju dengan pendekatan yang telah diambil dalam kes *Badiaddin bin Mohd Mohidin & Anor v Arab -Malaysian Finance Bhd* [1998] 1 MLJ 393 di mana YA Mohd Azmi HMP melahirkan pandangannya: B C

> [1] It is settled law that one High Court cannot set aside a final order regularly obtained from another High Court of concurrent jurisdiction. The one special exception to this rule is where the final judgment of the High Court can be proved to be null and void on the ground of illegality or lack of jurisdiction. Apart from the breach of natural justice, in any attempt to widen the door of the inherent and discretionary jurisdiction of the superior courts to set aside an order of court ex debito justitiae to a category of cases involving orders which contravened any written law, the contravention should be one which defies a substantive statutory prohibition so as to render the defective order null and void on the ground of illegality or lack of jurisdiction. The discretion to invoke the inherent jurisdiction should also be exercised judicially in exceptional cases, where the defect is of such a serious nature that there is a real need to set aside the defective order to enable the court to do justice. D E F

[23] Mahkamah ini secara alternatif berpendapat sekiranya perintah PKP pada 29 Julai 2009 merupakan penghakiman muktamad sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam pemohon pertama yang terpelajar, mahkamah ini mengambil pendekatan dalam kes *Badiaddin bin Mohd Mohidin & Anor* di mana perintah PKP itu bercanggah dengan peruntukan undang-undang kerana tiada geran surat mentadbir pesaka dikeluarkan mengikut tatacara yang diperuntukkan bawah A 71 KKMT (pada ketika itu). Mahkamah ini juga berpendapat PKP telah bertindak diluar bidangkuasanya apabila bergantung kepada peruntukan s 35 Akta itu mengeluarkan perintah bertarikh 29 Julai 2009. Peruntukan s 35 Akta itu berkaitan dengan bon pentadbiran dan tiada kaitan dengan pelantikan pentadbir bersama pesaka harta si mati. G H

[24] Peguam bakal pencelah yang terpelajar dalam hujahannya juga ada menyentuh peruntukan s 34 Akta itu berkaitan pembatalan pelantikan pemohon pertama dan yang lainnya. Mahkamah ini berpendapat berdasarkan isu (a) dan (b) di atas ianya sudah memadai bagi membenarkan lampiran (55) dengan kos sebanyak RM3,000. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk I

A menyentuh isu ini di dalam alasan penghakimannya.

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor

B

C

D

E

F

G

H

I